

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai jumlah peruntukan mengikut kategorinya (termasuk geran aktiviti, pembangunan fizikal, program baik pulih rumah dan skim pinjaman khas penduduk kampung) yang telah diberikan kepada setiap MPKK di daerah Seremban pada tahun 2018, 2019 dan 2020, serta peruntukan yang bakal disalurkan sehingga penghujung tahun ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah memperuntukkan sejumlah **RM3.767 juta** peruntukan pembangunan kepada Parlimen Seremban bagi tempoh 2018 hingga 2020.

Berikut adalah projek-projek prasarana yang telah diluluskan bagi tahun 2018 hingga 2020 meliputi daerah Seremban:

- i. **Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2015 Negeri Sembilan** dengan kos projek sebanyak **RM1.22 juta**;
- ii. **16 buah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD)** berjumlah **RM1.39 juta**;
- iii. **3 Projek Ameniti Sosial (PAMS)** berjumlah **RM318,000**
- iv. **5 Projek Perumahan Rakyat (PPRT) - Bina Baru** berjumlah **RM280,000**
- v. **43 Projek Perumahan Rakyat (PPRT) – Baik Pulih** berjumlah **RM559,000**

Selain dari itu, KPLB juga telah menyalurkan sebanyak RM740 ribu peruntukan geran kepada 74 MPKK di daerah Seremban pada tahun 2019. Peruntukan geran tersebut telah digunakan untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang meningkatkan pendapatan ekonomi penduduk kampung, aktiviti keceriaan dan kesejahteraan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, peruntukan geran kepada MPKK hanya mula diberikan pada tahun 2019. Manakala pada tahun 2020, tiada peruntukan geran disediakan kepada MPKK.